

Oleh Mohammad
Khairil Ashraf
Mohd Khalid
khairil.ashraf@hme-
tro.com.my

MEDAN SELERA SINGGANG MADANI@BATU BATA, TITIWANGSA SEPI

Hanya 2 kedai beroperasi

Kuala Lumpur

Medan Selera Singgang Madani@Batu Bata, Titiwangsa di sini yang bakal menempatkan 26 penaja makanan pantai timur dilihat sepi akibat kekurangan pengunjung.

Tinjauan Harian Metro semalam mendapati medan selera dikenali sebagai Medan Selera Damai sebelum ini hanya terdapat dua kedai makan saja beroperasi berbanding boleh memuatkan lebih 30 peniaga.

Peniaga, Mawarni Mohd Kamel, 39, berkata, hanya lima kedai sahaja beroperasi di premis itu ketika ini, sekali gus mengakui pengunjung kurang datang ke medan selera berkenaan.

Menurutnya, masalah utama kekurangan pengunjung disebabkan kemudahan meletakkan kenderaan yang terhad.

"Tempat meletak kenderaan sedikit. Orang ramai pun tak tahu kewujudan



medan selera ini, disebabkan itu mereka tak datang ke sini.

"Apa yang diperlukan adalah promosi dilakukan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan penambahan lot tempat meletak kenderaan untuk menarik kedatangan pengunjung," katanya.

Dilaporkan seramai 26 penaja gerai singgang di Jalan Dewan Sultan Sulai-

man 1, Kampung Baru akan berniaga di lokasi berkenaan yang dikenali sebagai Medan Selera Singgang Madani@Batu Bata, Titiwangsa.

DBKL menerusi kenyataannya memaklumkan, kerana meroboh deretan gerai di lokasi asal akan dilaksanakan hari ini dan pihaknya sudah mengeluarkan notis pemakluman pengosongan tapak sejak Oktober lalu.

Mawarni berkata, pihaknya sebelum ini pernah melakukan pelbagai program bagi menarik pengunjung.

"Kami pernah buat pertandingan karaoke. Pada waktu itulah baru orang datang. Kalau tidak, memang tak ada," katanya.

Katanya, dari segi perolehan pendapatan, pihaknya hanya memperoleh maksimum RM300 dan mi-

nimum RM100 sehari.

"Kadang-kadang nak dapat RM100 itu pun susah. Kita pun bergantung kepada hiburan di sini. Kalau tak ada hiburan seperti karaoke, tempat ini mati," katanya.

Seorang lagi peniaga, Sumiati Sianturi, 60, turut menyatakan hanya memperoleh pendapatan kira-kira RM300 sehari.

"Itu pun saya mula berniaga dari jam 7 pagi sehingga 12 tengah malam. Pendapatan yang kita perolehi ini hanya sekadar cukup makan sahaja," katanya.

Menurutnya, lokasi tidak strategik seperti kurang kemudahan meletak kenderaan menyebabkan tiada pengunjung datang ke medan selera itu.

"Masalah besar di sini kurangnya tempat meletak kenderaan. Bila hari bekerja pula, tempat meletak kenderaan ini dipenuhi



MAWARNI

oleh pekerja yang bekerja di sekitar medan selera ini," katanya.

Dia yang sudah berniaga selama 13 tahun berkata, faktor lokasi tidak strategik di medan selera ini dikhawatiri boleh menjejaskan perniagaan.

"Kalau ada banyak tempat meletak kenderaan sini, semua orang boleh bertahan. Disebabkan itu, peniaga singgang berkenaan berat hati nak datang ke sini," katanya.



MEDAN Selera Damai kelihatan sepi kurang pelanggan. - Gambar NSTP/SAIFULLIZAN TAMADI



TEMPAT letak kereta juga agak terhad di Medan Selera Damai.